

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2025

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

Kertas 1

Ogos 2025

1 jam

1249/1

Satu jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

- 1 Maklumat berikut merujuk kepada alat kebesaran diraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- Nobat
- Regalia

Apakah kepentingan peralatan tersebut?

- A Menggambarkan kemewahan kerajaan
  - B Mengesahkan arahan daripada sultan
  - C Mempamerkan keunikan kesenian
  - D Menunjukkan simbol kedaulatan
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan hubungan timbal balik antara pemerintah dengan rakyat.

Rakyat yang menderhaka kepada raja akan ditimpa tulah.

Bagaimanakah rakyat boleh mengelakkan diri daripada kecelakaan tersebut?

- A Menjaga kebajikan kerajaan
  - B Mematuhi arahan pemerintah
  - C Memelihara kemakmuran negara
  - D Mewujudkan persefahaman rakyat
- 3 Pasangan pernyataan yang manakah menunjukkan matlamat nasionalisme peringkat awal di Burma dan Vietnam?

	Burma	Vietnam
A	Mengekalkan tradisi Buddha	Memulihkan pemerintahan beraja
B	Mengiktiraf golongan Thakin	Menuntut diadakan pilihan raya
C	Menuntut kemerdekaan segera	Menamatkan penjajahan Perancis
D	Menyingkirkan kuasa Sepanyol	Mengekalkan kuasa golongan Mandarin

- 4 Jadual berikut berkaitan dengan golongan intelektual berpendidikan Melayu.

Institusi	Kejayaan
Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)	Melahirkan semangat kesedaran bangsa

Bagaimanakah kejayaan tersebut dicapai?


- A Mewujudkan pentadbir agama
  - B Memajukan intelektual Islam
  - C Melahirkan tokoh nasionalis
  - D Menyatukan bangsa Melayu
- 5 Maklumat berikut berkaitan dasar pendidikan Jepun di Tanah Melayu.

- Menekankan semangat Nippon Seishin
- Pengajaran bahasa Jepun (Nippon Go)

Mengapakah Jepun melaksanakan dasar tersebut?

- A Mewujudkan orde baharu di Asia Tenggara
- B Mengatasi masalah kekurangan pegawai
- C Menanamkan kesetiaan kepada Jepun
- D Mengembangkan kebudayaan Jepun

- 6 Akhbar berikut diterbitkan semasa pendudukan Jepun.



Mengapakah akhbar tersebut diterbitkan?

- A Menyebarkan semangat antipenjajah Barat
  - B Menggesa masyarakat menuju kemajuan
  - C Menuntut kemerdekaan daripada Jepun
  - D Membangkitkan persaudaraan serantau
- 7 British telah memperkenalkan *British Military Administration* (BMA) pada 12 September 1945 di Tanah Melayu.

Apakah tujuan BMA diperkenalkan?

- I Meningkatkan pelaburan ekonomi
- II Mengembalikan keamanan negara
- III Memulihkan kepercayaan rakyat
- IV Melaksanakan sistem naungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan slogan yang digunakan oleh penduduk Sarawak semasa demonstrasi pada 30 Oktober 1946.

- Sarawak adalah hak kami
- Leburkan kolonial

Mengapakah slogan tersebut digunakan?

- A Menentang penyerahan Sarawak
  - B Membantah pentadbiran Brooke
  - C Menghalang pengaruh komunis
  - D Mempertahankan kemerdekaan
- 9 Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Apakah cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut?
- A Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri
  - B Memperkenalkan Majlis Sultan-Sultan
  - C Mewujudkan jawatan Gabenor British
  - D Membubarkan Majlis Eksekutif
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Ah Chong lahir di Melaka pada tahun 1946.

Status kerakyatan beliau ialah rakyat

- A Komanwel
- B Naungan
- C British
- D Raja

11 Tokoh berikut merupakan pemimpin Melayu berhaluan kiri yang ditangkap oleh British.

- Ahmad Boestamam
- Ishak Haji Muhammad

Mengapakah British bertindak sedemikian?

- A Mengawal gerakan radikal
- B Menyokong Melayu Raya
- C Membanteras kegiatan sabotaj
- D Melumpuhkan operasi Min Yuen

12 Apakah tuntutan Tunku Abdul Rahman dalam Rundingan Baling?

- I Meletakkan senjata
- II Menyertai Perikatan
- III Menyokong kerajaan
- IV Membubarkan PKM

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Tokoh berikut terlibat dalam Sistem Ahli.



Dato' Onn Jaafar



E.E.C. Thuraisingham



Lee Tiang Keng


Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Menjalin integrasi antara wilayah
- B Mencadangkan undang-undang
- C Menentukan hubungan luar
- D Mengurus kewangan

14 Apakah tuntutan Persidangan Kebangsaan yang berlangsung pada bulan Februari 1954?

- A Pilihan raya Persekutuan
- B Penubuhan Kabinet Pertama
- C Keistimewaan orang Melayu
- D Kewarganegaraan yang longgar

15 Maklumat berikut berkaitan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X dan Y?

- I Penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya
  - II Pelantikan penyelia pilihan raya
  - III Pendaftaran pengundi
  - IV Pengiraan undi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

16 Gambar berikut menunjukkan Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan 1955.



Apakah sumbangan kabinet pertama kepada negara kita?

- A Zaman darurat ditamatkan
- B Pembentukan kerajaan sendiri
- C Perlembagaan Persekutuan digubal
- D Kuasa pentadbiran British diperkukuhkan

17 Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menjalankan tugasnya?

- I Melantik Gabenor
- II Meminta cadangan penduduk
- III Meneliti kedudukan perlembagaan
- IV Mengadakan Pilihan Raya Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah cadangan yang terkandung dalam memorandum tersebut?

- A Mengkaji semula syarat kerakyatan
- B Ketua Menteri mengetuai pentadbiran
- C Menguatkuasakan undang-undang tempatan
- D Ketua Negara adalah Yang di-Pertuan Agong


19 Negara memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa selepas mencapai kemerdekaan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel.

Penyertaan dalam Blok Sterling

Apakah manfaat yang diperoleh negara daripada penyertaan tersebut?

- A Mengukuhkan ekonomi
- B Merapatkan hubungan sosial
- C Memperkuatkan keselamatan
- D Menstabilkan mata wang tempatan

20 Gambar berikut menunjukkan lambang kebangsaan negara.



Jata Negara 1957

Mengapakah lambang tersebut penting kepada negara?

- A Menegakkan keadilan
- B Mencerminkan identiti
- C Memastikan keamanan
- D Memperkukuh demokrasi

- 21 Apakah takrif kedaulatan negara?
- A Teras pemerintahan negara
  - B Pembahagian kuasa
  - C Negara yang bebas
  - D Undang-undang tertinggi
- 22 Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi. Mengapakah dasar tersebut dilaksanakan?
- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
  - B Menyekat peluang pemilikan modal saham
  - C Meningkatkan kebergantungan pasaran luar
  - D Meneruskan fungsi ekonomi berasaskan kaum
- 23 Gambar berikut menunjukkan bangunan Parlimen di Malaysia.



Apakah peranan Parlimen dalam pentadbiran?

- A Memilih Perdana Menteri
- B Menyelaras sistem pemerintahan
- C Melantik Yang di-Pertuan Agong
- D Menggubal undang-undang negara

- 24 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pilihan raya sebagai asas sistem demokrasi di Malaysia.

Apakah rasional peruntukan tersebut?

- A Rakyat bebas memilih wakil pemimpin
- B Pengasingan kuasa pemerintahan negara
- C Memperkukuh sistem Raja Berperlembagaan
- D Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa penuh

- 25 Antara berikut, yang manakah fungsi Majlis Raja-Raja?

- I Mengisytiharkan darurat
- II Menjadi Lembaga pengampunan
- III Memilih Yang di-Pertuan Agong
- IV Melantik diplomat Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran negara kita.

Konflik berlaku di antara badan perundangan dengan badan eksekutif berkaitan undang-undang.

Bagaimanakah konflik tersebut dapat diselesaikan?


- A Diadili badan kehakiman
- B Diusulkan di Dewan Negara
- C Dibahaskan di Dewan Rakyat
- D Diputuskan dalam mesyuarat kabinet

27 Projek perumahan berikut telah dilaksanakan di Malaysia.

- Rumah Selangorku
- Projek Rumah Perakku

Mengapakah projek perumahan tersebut dilaksanakan?

- A Meningkatkan pemilikan hartanah
  - B Menyediakan rumah mampu milik
  - C Mengatasi peningkatan harga rumah
  - D Menyusun semula masyarakat bandar
- 28 Struktur organisasi berikut berkaitan dengan pentadbiran Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah.



Mengapakah pentadbiran tersebut diperkenalkan?

- A Mengekang ancaman ekstremis agama
  - B Melaksanakan pentadbiran yang sistematik
  - C Menghapuskan ancaman pengganas komunis
  - D Meningkatkan kerjasama keselamatan
- 29 Apakah kandungan laporan Suruhanjaya Cobbold mengenai Sarawak dan Sabah?
- A Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
  - B Membentuk suruhanjaya bebas
  - C Memberikan kuasa autonomi
  - D Menubuhkan kabinet negeri

30 Apakah inti pati utama Perjanjian Malaysia (MA63) kepada Sarawak dan Sabah?

- I Pentadbiran dikawal oleh Yang di-Pertuan Agong
- II Tarikh pembentukan pada 16 September 1963
- III Memperuntukkan tempoh masa peralihan
- IV Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Berikut merupakan krisis politik yang berlaku di Sarawak selepas pembentukan Malaysia.

Stephen Kalong Ningkan berjaya memenangi kes pemecatan jawatannya sebagai Ketua Menteri Sarawak pada September 1966.

Apakah reaksi Council Negri terhadap keputusan ini?

- A Memberi sokongan penuh
- B Melaksanakan undi tidak percaya
- C Mengugut untuk meletakkan jawatan
- D Mengadakan demonstrasi beramai-ramai

32 Rusuhan kaum telah berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964 sehingga menimbulkan ketegangan antara kaum.

Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

- A Pengaruh gerakan Islam
- B Perjuangan persamaan hak
- C Pelibatan radikal Melayu
- D Penyalahgunaan kuasa

33 Pembinaan negara Malaysia diperkukuhkan selepas negara mencapai kemerdekaan. Pembentukan Malaysia berasaskan elemen

- I asimilasi bangsa
- II perpaduan kaum
- III integrasi nasional
- IV kepelbagaian agama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Gambar berikut merujuk kepada dasar Kementerian Pendidikan Malaysia.




Apakah kepentingan dasar tersebut?

- A Memastikan murid berdikari
- B Memajukan infrastruktur sukan
- C Meningkatkan kualiti kerohanian
- D Memupuk semangat setia kawan

35 Apakah matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) diwujudkan?

- A Mempergiatkan pertumbuhan industri desa
- B Menambah rangkaian perniagaan antarabangsa
- C Meningkatkan produktiviti hasil keluaran industri
- D Mengukuhkan pegangan saham dalam sektor korporat

- 36 Garis masa berikut menunjukkan pelaksanaan dasar perindustrian negara.



Apakah kesan daripada pelaksanaan dasar tersebut?

- A Membuka peluang pekerjaan
  - B Kemunculan bandar baharu
  - C Pemilikan saham bumiputera
  - D Perkembangan teknologi hijau
- 37 Antara berikut, yang manakah membuktikan negara Komanwel merupakan rakan dagang Malaysia yang utama?
- I Menyediakan kemudahan kredit
  - II Mengenakan kadar cukai yang rendah
  - III Menjayakan projek pengeluaran baja urea
  - IV Mengenakan tarif kepada komoditi utama negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 38 Malaysia berperanan penting dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM).  
Apakah tujuan penubuhan NAM?
- A Menyokong integrasi ekonomi
  - B Mengamalkan dasar berkecuali
  - C Menjalin kerjasama ketenteraan
  - D Menangani isu perkauman

- 39 Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?
- A Kepelbagaian kaum
  - B Kelemahan undang-undang
  - C Kelonggaran syarat imigresen
  - D Kemakmuran ekonomi negara
- 40 Malaysia pernah berhadapan dengan krisis ekonomi pada tahun 1997-1998. Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia untuk menangani krisis tersebut?
- A Meningkatkan aliran keluar mata wang ringgit
  - B Membangunkan sistem kewangan Islam
  - C Menambat kadar pertukaran ringgit
  - D Membuat pinjaman Bank Dunia

**KERTAS SOALAN TAMAT**